

05/02/2004

APS 2004 bertaraf nasional?

Akmal Abdullah

MALAM ini, rombongan lebih 200 warga seni akan bertolak dari Kuala Lumpur ke Kedah untuk menjayakan program Seniman Bersama Rakyat Kedah, seterusnya menghadiri acara kemuncak Malam Anugerah Perdana Seniman 2004 (APS 2004), Sabtu ini. Acara anjuran Persatuan Seniman Malaysia (Seniman) itu dianggap unik dan buat julung kali seumpamanya diadakan, apatah lagi mendapat sokongan penuh kerajaan sebuah negeri dan pihak istananya.

Ia menjadi menarik kerana anugerah ini dianjurkan persatuan anak seni sendiri. Seniman yang memasuki usia 30 tahun menganjurkan satu anugerah istimewa dalam bentuk pingat bersalutkan emas dinamakan Pingat Anugerah Perdana Seniman yang akan dikalungkan kepada mereka yang bertuah. Selain itu, ia juga disertakan empat pingat Satria Perfileman yang diberikan Persatuan Pengeluar Filem Malaysia (PFM) kepada bekas penerbit filem yang sumbangan mereka tercatat dalam sejarah industri ini kerana banyak berkorban demi survival perfileman nasional khususnya era 70-an.

Apabila anak seni mengiktiraf anak sendiri, ia ternyata lebih dilihat sebagai pengiktirafan mutlak dan bersifat kekeluargaan. Ia dilihat lebih manis dan dekat di hati kerana mereka sesama sendiri yang dapat memahami susah payah dan getirnya hidup menjadi anak wayang. Biasanya pengiktirafan pihak lain seperti media, agensi kerajaan atau pertubuhan tertentu dilihat sebagai simbolik pengiktirafan orang luar terhadap masyarakat seni tetapi kini anak seni sendiri yang mengiktirafnya secara pemilihan berdasarkan ciri dan kelayakan tertentu. Sebelum ini ada juga persatuan lain yang beri anugerah untuk anak seni seperti Persatuan Akademi Industri Muzik Malaysia untuk acara muzik, Anugerah Industri Muzik Malaysia (AIM) tetapi ia bersifat pertandingan sedangkan APS 2004 lebih kepada pengiktirafan untuk mereka yang banyak mengharumkan nama untuk industri dan negara. Pemilihan berteraskan latar belakang dan rentetan sumbangan yang pernah dirakamkan dalam sejarah.

Majlis penganugerahan ini akan menjadi simbolik pengiktirafan tertinggi daripada sebuah persatuan anak seni kepada orang seni sendiri sambil diresmikan kerajaan Kedah yang menjadi tuan rumah, selain Sultan Kedah juga akan mencemar duli untuk menyampaikan anugerah terbabit. Ini bermakna APS 2004 cuba meletakkan statusnya sebagai penganugerahan bertaraf nasional.

Meskipun ia mendapat pengiktirafan kerajaan dan istana Kedah tetapi ia juga membabitkan sokongan padu Kerajaan Pusat secara tidak langsung. Ini jelas apabila majlis itu kelak dijangka turut dihadiri Menteri Kebudayaan Kesenian dan Pelancongan, Datuk Paduka Abdul Kadir Sheikh Fadzir dan Timbalan Menteri Penerangan, Datuk Zainuddin Maidin.

Syabas buat AJK baru Seniman yang diketuai presidennya, Datuk Mustapha Maarof yang dalam diam-diam merancang satu majlis penganugerahan yang cukup bermakna, selain memberi peluang kepada rakyat Kedah untuk bersemuka dan beramah mesra dengan insan perfileman. Bermula pagi esok, rombongan Seniman itu diisi pelbagai acara termasuk bermesra dengan warga tua Rumah Sri Kenangan Bedong, acara X-Treme Games, wawancara di Radio Malaysia Alor Star, perlawanan bola sepak persahabatan, persembahan terbuka, selain segmen lawatan ke Rumah Kelahiran Tun Dr Mahathir Mohamad, Menara Alor Star, Balai Besar Muzium Negeri Kedah dan acara khas menghadap Sultan Kedah di Istana Anak Bukit.

Seharusnya peluang yang diberikan kerajaan Kedah ini dihargai anak seni dan ahli Seniman kerana ia satu penghargaan besar yang memperlihatkan sebuah kerajaan memandang tinggi golongan seniman, penghibur, pelakon dan artis

sehingga sanggup menjadi tuan rumah dan menyediakan peruntukan besar bagi kos penginapan dan majlis makan malam yang bersertakan acara anugerah berkenaan di Dewan Seri Negeri, Wisma Darulaman.

Kita meminta mana-mana syarikat produksi yang menjalankan penggambaran pada hari ini sehingga Ahad ini jika boleh, atas semangat kekitaan dalam industri ini membenarkan pelakon mereka turut bersama dalam acara di Kedah. Apa salahnya, penerbit memberi sokongan kerana APS 2004 juga dibuat dengan kerjasama PFM, sekurang-kurangnya ia sebagai tanda sokongan warga filem bersatu hati untuk APS 2004.

Menerusi APS 2004 itu jugalah bakal menyaksikan 12 penerima pingat istimewa, iaitu mereka yang terbabit dalam dunia lakonan dan penerbitan filem. Sehingga ini, masih ramai yang tertanya-tanya siapa gerangan penerima anugerah itu. AJK Seniman nampaknya begitu berahsia kerana tidak mahu memberitahu siapa yang bakal diberi anugerah itu dan hanya akan diumumkan pada acara itu kelak. Apapun, khabarnya penerima anugerah malam itu adalah mereka yang banyak berjasa untuk kelangsungan industri perfileman nasional dan pernah membanggakan imej negara dalam dunia lakonan.

Kita berharap semua ahli Seniman dan insan seni lain yang dipelawa ke majlis itu dapat meluangkan masa untuk bersama memeriah dan menghargai usaha penganjur, apatah lagi ia mendapat pengiktirafan kerajaan Kedah yang dikatakan mula memberi perhatian serius untuk sektor perfileman kerana berazam mahu menjadikan negeri itu, terutama Pulau Langkawi sebagai salah satu pusat perfileman popular di Malaysia dalam tempoh 10 hingga 15 tahun akan datang. Justeru, sokongan ahli Seniman dan warga perfileman lain penting untuk membalas budi kerajaan Kedah yang mula menggerakkan inisiatif membantu industri ini dan sudah tentu ia juga menjadi kepentingan insan perfileman sendiri.

Dikhabarkan sekitar 300 warga filem dan anak seni akan berkumpul di Alor Star bermula esok. Jika benar ia mencapai jumlah sasaran itu, bermakna inilah satu perhimpunan terbesar artis tanah air di Kedah - negeri kelahiran dua bekas Perdana Menteri Malaysia, Almarhum Tunku Abdul Rahman Putra dan Tun Dr Mahathir. Secara simboliknya juga ia akan membawa satu persepsi baru bahawa kerajaan Kedah sudah melihat sektor perfileman boleh dijadikan aset seni budaya untuk memajukan ekonomi dan pelancongan domestiknya.

Berbalik pada APS 2004, rasanya Seniman sudah membuat satu usaha yang cukup baik. Sekarang adalah masanya untuk ahli dan anak seni memberi sokongan. Buanglah sikap prejudis, suka berpuak-puak dan hasad dengki yang selama ini masih banyak tertanam di kalangan anak seni kita.

Segelintir daripada mereka ini seolah-olah tidak suka apabila orang lain menang anugerah atau buat sesuatu untuk kebajikan semua sedangkan diri sendiri tidak sehebat mana pun, malahan langsung tidak memberi khidmat bakti dalam persatuan. Jadikan APS 2004 sebagai permulaan untuk buang yang keruh ambil yang jernih. Akhir kata, kita jumpa di Alor Star esok!

Alang-alang sudah diiktiraf, biarlah jasa dikenang sampai akhir hayat. -  
akmel@bharian.com.my